

17 SEP 1996

Mahathir-Solar

PM: NEGARA MEMBANGUN HADAPI DILEMA MAJUKAN SUMBER TENAGA

Oleh: K.C. Leong

HARARE, 17 Sept (Bernama) -- Sidang Kemuncak Solar di sini mendedahkan dilema yang dihadapi negara-negara membangun untuk memaju dan menggunakan lebih banyak sumber tenaga yang boleh dikitarguna seperti tenaga solar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Di satu pihak mereka digalakkan oleh negara-negara maju supaya menggunakan kurang bahan api fosil kerana boleh menyebabkan pencemaran dan di satu pihak lagi negara-negara maju tidak bersedia untuk membantu mereka memajukan sumber-sumber tenaga pilihan, tambah perdana menteri.

Beliau bercakap kepada wartawan Malaysia di sini petang semalam selepas menghadiri persidangan hari pertama Sidang Kemuncak Solar. Beliau adalah naib pengerusi Suruhanjaya Solar Dunia bagi menyediakan kepimpinan dan bimbingan dari segi politik berhubung pelaksanaan program tindakan yang akan dirumuskan oleh sidang itu.

Walaupun pada mulanya dijangka sejumlah 100 buah negara akan menghadiri sidang kemuncak itu, atas daya usaha Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (Unesco) untuk meningkatkan pembangunan dan penggunaan tenaga solar dan sumber-sumber tenaga lain yang boleh dikitarguna, tetapi hanya 80 buah negara yang hadir malah banyak negara maju yang tidak menghadirinya.

Mengulas mengenai sikap negara-negara maju, Dr Mahathir mendapati bahawa Amerika Syarikat tidak hadir kerana ia masih belum menyertai semula Unesco, manakala Eropah Barat hanya diwakili oleh perwakilan Kesatuan Eropah (EU) dan negara-negara sendirian tidak menyertainya.

Beliau berkata adalah jelas negara-negara maju tidak memberikan penekanan kepada pembangunan tenaga solar walaupun merekalah yang banyak bercakap supaya menggunakan kurang bahanapi fosil tetapi menggunakan lebih banyak sumber tenaga yang tidak merosakkan alam sekitar.

Dr Mahathir menambah kata mereka tidak menggunakan tenaga solar sedangkan mereka menggalakkan negara-negara membangun berbuat demikian kerana mereka tahu tenaga solar tidak boleh dihasilkan dengan efisien.

Negara-negara tersebut juga tidak suka negara-negara membangun menggunakan tenaga hidroelektrik kerana kononnya ia merosakkan alam sekitar, katanya.

"Apa boleh kita buat? Mereka tidak mahu kita gunakan bahanapi fosil atau tenaga hidroelektrik. Mereka mahu kita gunakan tenaga solar tetapi mereka tidak mahu bantu kita supaya ia lebih kos efektif untuk berbuat demikian," tambahnya.

"Bagi saya ia menampakkan mereka mahu menyusahkan negara-negara membangun sedangkan mereka terus menjadi pengguna terbesar bahanapi fosil yang mencemarkan alam sekitar".

"Jadi adakah kita perlu menggunakan tenaga ombak dan tenaga angin yang tidak efisien dan sumber-sumber tenaga yang kosnya tinggi?" beliau bertanya dan menambah bahawa tahap penggunaan tenaga yang rendah boleh menyebabkan negara-negara membangun menjadi miskin.

Beliau berkata ketidakhadiran banyak negara maju di sini boleh menyebabkan negara-negara membangun membuat rumusan bahawa mereka tidak berminat untuk memberi sumbangan bagi mengurangkan penggunaan bahanapi fosil.

Dr Mahathir berkata negara-negara membangun tiada pilihan tetapi terpaksa berdikari dalam membangunkan sumber-sumber tenaga yang boleh dihasilkan semula. "Mereka (negara-negara membangun) perlu meneruskannya

sendirian. Kerana ia penting untuk mereka," tambahnya. Namibia misalnya mendapat cahaya matahari 340 hari dalam setahun dan adalah jelas jika mereka boleh menjana tenaga dari matahari, mereka akan menjadi kaya."

Beliau berkata walaupun Malaysia tidak bergantung kepada tenaga suria, tetapi kebelakangan ini terdapat peningkatan dalam penggunaan alat pemanas air menggunakan tenaga suria di kebanyakan rumah di Malaysia dan ini mengurangkan penggunaan bahanapi fosil.

Beliau yakin penggunaan tenaga suria untuk tujuan lain dapat dibangunkan di Malaysia, misalnya untuk kegunaan pondok telefon awam, rumah api dan kereta berkuasa suria.-- BERNAMA

LKC SK OBA